



21 – 24 Okt 2025,  
Selasa – Jumat

Diselenggarakan oleh Esplanade

# Yusof: Portrait of a President

Oleh Teater Ekamatra



## PANDUAN SELEPAS MENONTON

### Refleksi & Perbincangan

#### Fikir & Kongsi

1. Apakah pengajaran terbesar daripada pementasan ini?
2. Apakah soalan baharu yang timbul selepas menonton?
3. Bagaimana teater ini memberi inspirasi untuk anda berfikir atau bertindak secara berbeza?

### Ingat Semula

#### Uji ingatan anda tentang jalan cerita!

1. Siapakah **watak utama**?
2. Apakah **konflik utama** dalam cerita?
3. Bagaimana peristiwa itu memberi kesan kepada **Yusof Ishak dan masyarakat**?

**Tip** Boleh lukis ringkas situasi atau watak untuk membantu ingatan!

## Hubungan Dengan Kehidupan Hari Ini

Fikirkan bagaimana cerita lama boleh dikaitkan dengan dunia anda hari ini.

- Apakah **persamaan tema teater** ini dengan isu semasa di Singapura?
- Bagaimana nilai **kesetiaan dan khidmat masyarakat** boleh anda amalkan di sekolah atau masyarakat?

## AKTIVITI BAHASA & SEJARAH: UTUSAN MELAYU

### Aktiviti 1

#### MENYELIDIK UTUSAN MELAYU

**Objektif:** Memahami peranan akhbar *Utusan Melayu* dalam sejarah dan kaitannya dengan Yusof Ishak.

#### Langkah Aktiviti:

1. Bincangkan bersama kelas:
  - Apakah *Utusan Melayu*?
  - Siapakah pembacanya?
  - Apakah isu yang diperjuangkan?
  - Mengapa Yusof Ishak terlibat secara langsung?
2. Gunakan **sumber tambahan** (artikel sejarah, arkib, atau video dokumentari) untuk menambah kefahaman.

### Aktiviti 2

#### MENJADI WARTAWAN UTUSAN MELAYU

**Objektif:** Melatih kemahiran menulis berita dalam bahasa Melayu yang tepat, padat dan menarik.

#### Arahan:

Bayangkan anda wartawan *Utusan Melayu* pada zaman Yusof Ishak. Pilih satu tugas:

1. **Pilihan A:** Laporkan satu **adegan penting** daripada teater.
2. **Pilihan B:** Tulis laporan tentang **ucapan terakhir Yusof Ishak** dalam teater.

Pastikan laporan anda mengandungi:

- Tajuk berita yang ringkas & kuat
- **Perenggan pembukaan** yang menjawab: Siapa, Apa, Bila, Di mana, Mengapa
- **Petik ucapan/peristiwa** untuk menghidupkan laporan



### Contoh Tajuk:

**"Presiden Yusof Ishak Seru Perpaduan Rakyat Dalam Ucapan Bersejarah"**

### PEMBENTANGAN

- Bacakan laporan anda di hadapan kelas.
- Bandingkan gaya penulisan antara kumpulan, siapa paling kreatif, siapa paling formal?

Ingin ketahui lebih lanjut mengenai seni?  
Lungsur [www.esplanade.com/schools](http://www.esplanade.com/schools) dan dapatkan maklumat berguna!

Penulis Panduan Pendidikan: Mysara Aljaru  
Pereka bentuk: Threequart

A programme of 60 Connections – At Home and Afar, a year-long season of Singapore stories and international collaborations in celebration of SG60.



Principal Sponsors

A&O SHEARMAN Bloomberg Deloitte.



Principal Sponsor



Supporting Sponsors



Supported By

How's Catering  
Matthew Teng  
Saw Wei Jie



#EsplanadeSG #WonderHere